EDISI
2023

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

GARIS PANDUAN
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

www.pkt.edu.my

JKKP PKT

JAWATANKUASA KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

GARIS PANDUAN
KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

EDISI 2023

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Cetakan Pertama 2023
@Politeknik Kuala Terengganu

Tidak dibenarkan diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Politeknik Kuala Terengganu.

Diterbitkan oleh :
Politeknik Kuala Terengganu
20200 Jalan Sultan Ismail
Kuala Terengganu, Terengganu
09-6204100

e ISBN 978-967-2240-43-3



PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wbt, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin, limpah dan kurnia-Nya, buku **Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Politeknik Kuala Terengganu** (**GPKKP PKT**) **Edisi 2023** ini berjaya diterbitkan.

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat di atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan buku **GPKKP PKT Edisi 2023** ini dapat dihasilkan.

Aspek keselamatan dan kesihatan tempat kerja di Politeknik Kuala Terengganu sebagai sebuah Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET) adalah sangat penting dan perlu diurus dengan baik. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti amali serta penggunaan peralatan-peralatan kejuruteraan sememangnya berpotensi untuk mewujudkan insiden di dalam kampus. Buku **GPKKP PKT** ini boleh dijadikan rujukan kepada semua warga dalam mengambil tindakan yang cepat dan tepat semasa menguruskan hal-hal berkaitan keselamatan dan kesihatan. Ini penting bagi memastikan risiko kemalangan yang melibatkan kakitangan, pelajar dan pelanggan di dalam kawasan kampus dapat dielakkan.

Saya berharap agar buku **GPKKP PKT** ini dapat memberi manfaat kepada seluruh warga PKT bagi memastikan budaya kerja mengutamakan keselamatan dan kesihatan diamalkan serta akta-akta yang berkaitan dipatuhi di kampus .

Sekian, terima kasih.

DR. HAJI MOHD DAUD BIN ISA
Pengarah
Politeknik Kuala Terengganu

JKKP PKT
JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

JAWATANKUASA PENERBITAN

GARIS PANDUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU | **EDISI 2023**

Penaung : Dr. Haji Mohd Daud bin Isa

Penasihat : Dr. Tengku Azman bin Tengku Mohd

Penulis & Editor : Dr. Tengku Azman bin Tengku Mohd
En. Mohd Najib bin Hussin
Pn. Aiezzatul Akmaliyah bt Abdullah
En. Marzuki bin Hussain

Penerbitan ISBN : Pn. Nor Aziah binti Awang

Rekabentuk Grafik : Cik Sharifah Sahidatunadrah binti Syed Abdullah

Sekalung Penghargaan

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan GPKKP PKT Edisi 2023 ini.

JAWATANKUASA KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
PRAKATA	1
JAWATANKUASA PENERBITAN GPKKP PKT	2
PENGENALAN	5
Visi dan Misi Politeknik Kuala Terengganu (PKT)	7
Logo KKP (PKT)	7
Objektif Garis Panduan GPKKP PKT	7
Budaya Kerja Selamat	8
BAHAGIAN 1.0: PERUNDANGAN DAN TANGGUNGJAWAB	10
1.1 Keperluan Perundangan	11
1.2 Senarai Akta-Akta	11
1.3 Tanggungjawab Pengurusan PKT	11
1.4 Skop Tanggungjawab	12
1.5 Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PKT	12
1.6 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PKT	13
1.7 Struktur dan Carta Organisasi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PKT	14
1.8 Fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	15
1.9 Tanggungjawab Mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	16
1.10 Pemakaian Garis Panduan	16
1.11 Konsep Pelaksanaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PKT	17
BAHAGIAN 2.0: TANGGUNGJAWAB KESELAMATAN WARGA	18
2.1 Tanggungjawab Kakitangan	19
2.2 Tanggungjawab Pelajar	19
2.3 Tanggungjawab Kontraktor	20
2.4 Tanggungjawab Pelawat	20
BAHAGAN 3.0: PERATURAN KESELAMATAN	21
3.1 Tanggungjawab Penyelia makmal / bengkel	22
3.2 Tanggungjawab Kakitangan Akademik di makmal / bengkel	22
3.3 Asas Tindakan Selamat Memasuki Bengkel dan Makmal	22
3.4 Warna Pita/ Papan Tanda Keselamatan	24
3.5 Alat Perlindung Diri (PPE)	24
3.6 Prosedur Operasi Standard (SOP)	24
3.7 Penyelenggaraan Peralatan	25
3.8 Peraturan Keselamatan Bahan Kimia	26

JKKP PKT
JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

PERKARA	MUKASURAT

3.9 Peraturan Bengkel Tertentu 27
3.10 HIRARC – Hazard Identification Risk Assessment and Risk Control 30
3.11 Latihan Keselamatan 32
3.12 Keselamatan Menjalankan Program Khas 33

BAHAGIAN 4.0: PELAN TINDAKAN KECEMASAN 34
4.1 Tujuan Prosedur Kecemasan 35
4.2 Pengguna Prosedur Kecemasan 35
4.3 Prosedur Am Semasa Kecemasan 35
4.4 Prosedur Insiden Kebakaran 36
4.5 Pelan Tindakan Pengungsian Bangunan 38
4.6 Latihan Kebakaran 40
4.7 Pelan Tindakan Kecemasan /Emergency Response Plan 40

BAHAGIAN 5.0: PENYEDIAAN PETI PERTOLONGAN CEMAS (FIRST AID BOX) 41
5.1 Tujuan 42
5.2 Skop 42
5.3 Rujukan 42
5.4 Definisi / Singkatan 42
5.5 Kepentingan Peti Pertolongan Cemas 42
5.6 Penyediaan PPC 43
5.7 Penyelenggaraan PPC 43
5.8 Penggunaan PPC 43
5.9 Rekabentuk 43
5.10 Lokasi 44
5.11 Kandungan 44

PENUTUP 45
LAMPIRAN 47
Lamp 1 - Carta Organisasi JKKP PKT
Lamp 2 - Borang Laporan Insiden atau Kemalangan
Lamp 3 - Borang Analisa HIRARC
Lamp 4 (a) - ERP Kampus A: Bangunan Induk (Aras 1)
Lamp 4 (b) - ERP Kampus A: Bangunan Induk PKT (Ground Floor)
Lamp 4 (c) - ERP Kampus C: Jabatan Pengajian Am (Aras 1)
Lamp 4 (d) - ERP Kampus C: Jabatan Pengajian Am (Aras 2)
Lamp 4 (e) - ERP Kampus D: Jabatan Kejuruteraan Elektrik (Aras 1)
Lamp 4 (f) - ERP Kampus D: Jabatan Kejuruteraan Elektrik (Aras 2)
Lamp 4 (g) - ERP Kampus E: Bangunan Gunasama di KFC
Lamp 5 - Kandungan Peti Pertolongan Cemas yang disyorkan oleh JKKP
Lamp 6 - Nombor Talian Jabatan/Agensi Kecemasan Sekitar PKT
Lamp 7 - Nombor Talian Kecemasan Taskforce/ERT/HIRARC
Lamp 8 - Nombor Talian Kecemasan Pengawal Keselamatan

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

JAWATANKUASA KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

PENGENALAN

GARIS PANDUAN KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU | **EDISI 2023**

PENGENALAN

Politeknik Kuala Terengganu (**PKT**) merupakan Politeknik ke-12 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi yang menawarkan pendidikan TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal & Vokasional) di Malaysia. Penubuhan PKT adalah bertujuan untuk melatih para lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi memenuhi permintaan tenaga kerja profesional dalam bidang teknologi dan kejuruteraan.

PKT yang dahulunya dikenali sebagai Politeknik Kota Kuala Terengganu (PKKT) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1999 dan beroperasi di bangunan Maktab Perguruan Pasir Panjang. Penubuhan PKKT adalah di bawah konsep kampus dalam kota. Selepas enam bulan beroperasi di Maktab Perguruan Pasir Panjang, PKKT berpindah ke tapak lama bangunan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Terenganu yang disewa sehingga hari ini. Pada Mei 2004, PKKT telah ditukarkan nama kepada PKT apabila konsep politeknik kota dimansuhkan dan ditukar kepada politeknik konvensional.

Sebagai sebuah institusi TVET, pelbagai aktiviti amali yang dijalankan di makmal dan bengkel adalah melibatkan penggunaan peralatan kejuruteraan yang berpotensi untuk mewujudkan insiden di dalam kampus PKT. Menyedari peri pentingnya pengurusan keselamatan dan kesihatan di PKT, maka JKKP PKT telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan sebuah buku Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk panduan warga. Buku ini mengandungi peraturan dan tanggungjawab warga dalam menguruskan hal-hal berkaitan keselamatan dan kesihatan bagi mengurangkan risiko belakunya kemalangan kepada kakitangan, pelajar serta orang lain di kawasan kampus. Buku ini juga boleh dijadikan rujukan dalam melaksanakan sebarang program atau aktiviti seharian di kampus PKT.

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

No. Tel.: 09-620 4100
Faks: 09-620 4102

www.pkt.edu.my

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

VISI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Menjadi institusi TVET yang berkualiti dalam melahirkan modal insan holistik dan menjadi pilihan utama industri

MISI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif bagi melahirkan modal insan holistik yang memenuhi keperluan industri

LOGO JKKP POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Rajah 1.0: Logo JKKP dan penerangan logo.

OBJEKTIF GARIS PANDUAN GPKKP PKT

Objektif buku garis panduan ini adalah:

1. Untuk menyatakan akauntabiliti Keselamatan & Kesihatan di kalangan warga PKT.
2. Untuk menggariskan Dasar serta Peraturan kerja selamat.
3. Untuk menerangkan asas prosedur kecemasan.
4. Untuk mewujudkan budaya kerja selamat.

Pelbagai definisi mengenai **budaya kerja selamat** namun kebanyakan takrifan mempunyai ciri-ciri persamaan.

Antara definisi budaya kerja selamat adalah seperti berikut:

Konsep Budaya Keselamatan ditakrifkan pada peringkat kumpulan atau lebih tinggi dimana merujuk kepada nilai dikongsi bersama antara kumpulan atau ahli-ahli dalam organisasi. Budaya keselamatan juga menitikberatkan isu-isu berkaitan keselamatan dalam organisasi secara rasmi.

Budaya Keselamatan memerlukan sumbangan dari setiap orang di semua peringkat organisasi. Budaya Keselamatan memberi kesan terhadap tingkah laku ahli-ahli di tempat kerja.

Budaya Keselamatan melambangkan kesediaan sesebuah organisasi untuk membangun dan belajar dari kesilapan insiden dan kemalangan. Setiap organisasi perlu mempunyai Budaya Keselamatan yang tersendiri.

Tidak ada piawaian tertentu untuk mewujudkan Budaya Keselamatan. Namun terdapat beberapa ciri penting yang dikenal pasti dalam budaya kerja selamat iaitu:

- **Majikan Mengenalpasti Bahaya dan Membuat Pembetulan**
- **Memakai Peralatan Keselamatan yang Betul**
- **Mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan**

JAWATANKUASA KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Majikan Mengenalpasti Bahaya dan Membuat Pembetulan

Dalam budaya kerja selamat majikan mampu mengenal pasti bahaya yang wujud dan membuat pembetulan. Sebaik sahaja bahaya dikenalpasti, pembetulan haruslah dijalankan dengan kadar segera dan laporan perlu dibuat. Ia perlu didokumentasikan supaya memudahkan program keselamatan berterusan.

Memakai Peralatan Keselamatan yang Betul

Dalam budaya kerja selamat, pekerja sentiasa memakai alat-alat pelindung yang sesuai dengan tugas. Pekerja tahu alatan apa yang patut digunakan, bagaimana menggunakannya, bagaimana untuk menyimpannya dan bagaimana untuk menanggalkannya.

Mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan

Dalam budaya keselamatan, satu jawatankuasa keselamatan perlu bergerak aktif. Mesyuarat-mesyuarat yang berjadual dengan kehadiran ahli-ahlinya yang tetap dapat membincangkan isu-isu berhubung keselamatan. Latihan-latihan dan kursus-kursus berkaitan keselamatan boleh dijalankan melalui jawatankuasa yang ditubuhkan.

Ciri-ciri yang dinyatakan berhubung dengan budaya kerja selamat perlu dilaksanakan dalam setiap organisasi. Ini memerlukan latihan dan program supaya kehendak keselamatan yang dinyatakan dapat dipelajari dan seterusnya dipraktikan dalam setiap organisasi dan menjadi amalan dan budaya dalam bekerja.

JKKP PKT
JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

JKKP PKT
JAWATANKUASA KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

BAHAGIAN 1.0

PERUNDANGAN DAN TANGGUNGJAWAB

GARIS PANDUAN KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU | **EDISI 2023**

BAHAGIAN 1.0:
PERUNDANGAN DAN TANGGUNGJAWAB

1.1 KEPERLUAN PERUNDANGAN

Bagi menjalankan peranan dan fungsi keselamatan dan kesihatan pekerjaan di PKT, akta-akta yang telah diluluskan dalam negara digunakan sebagai bahan rujukan dalam membangunkan setiap prosedur kerja keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

1.2 SENARAI AKTA-AKTA

Dalam melaksanakan skop tertentu keselamatan dan kesihatan pekerjaan, *clause* yang berkaitan dirujuk dari akta-akta berikut:

- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan - 514 (1994)
- Akta Kilang dan Jentera - 139 (1967)
- Akta Perkhidmatan Bomba 1988
- Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, 1994
- Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004
- Garis Panduan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Peruntukan Akta dan Peraturan lain yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia juga boleh dirujuk dari masa ke semasa mengikut keadaan tertentu.

1.3 TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN PKT

Pihak Pengurusan akan memberi komitmen, setakat yang praktik dalam:

a. Menyediakan dengan kekerapan yang sesuai dan mengkaji semula pernyataan bertulis Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

b. Menyedia dan menyelenggara sistem kerja yang selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan.

c. Mewujudkan prosedur, program dan sistem kerja untuk memastikan keselamatan dan kesihatan kakitangan serta pelajar.

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

d. Menyediakan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan kakitangan serta pelajar semasa di tempat kerja.

e. Menyediakan kemudahan dan sumber yang mencukupi bagi aspek kebajikan kakitangan dan pelajar.

f. Menimbang sebarang laporan yang diterima atau laporan audit yang disediakan oleh juru audit keselamatan dan kesihatan atau mana-mana agensi kerajaan yang lain mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

1.4 SKOP TANGGUNGJAWAB

a. Pengarah

Pengarah merupakan orang yang bertanggungjawab di bawah perundangan ke atas semua aspek mengenai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di PKT.

b. Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Bekerjasama dengan pihak pengurusan dalam pemantauan operasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam semua aktiviti di kawasan penyeliaan masing-masing.

1.5 DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PKT

Selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Politeknik Kuala Terengganu (PKT) beriltizam dan bertekad menyediakan, mewujudkan dan menyelenggara persekitaran kerja yang selamat kepada seluruh warga dan pelanggannya melalui budaya kerja yang terancang, teratur dan efektif.

Adalah menjadi tanggungjawab PKT bagi memastikan langkah berikut dilaksanakan;

a. Menjadikan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagai perkara penting dalam pengurusan kami,

JAWATANKUASA KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

b. Menyediakan, menyelenggara serta mengekalkan persekitaran kerja yang selamat kepada warga PKT dan pihak-pihak lain,
c. Memastikan segala langkah dan perancangan dibuat untuk menangani keperluan kerja dalam keadaan biasa dan kecemasan,
d. Mewujudkan sistem kerja yang selamat serta memastikan peralatan keselamatan yang sesuai dan mencukupi pada setiap masa dan
e. Menilai semula semua dasar, sistem, program serta prosedur kerja dari masa ke semasa sebagai usaha kecemerlangan yang berterusan.

Komitmen semua kakitangan, pelajar dan orang lain yang berkaitan dengan PKT amatlah perlu untuk memastikan dasar-dasar dan peraturan keselamatan dapat dipatuhi.

1.6 JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PKT

Menurut seksyen 30(1) Akta 514, tiap-tiap majikan hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat kerja jika terdapat 40 orang atau lebih pekerja.

Objektif
Meningkatkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui prinsip kerjasama dan perundingan antara majikan dan pekerja.

Keahlian
Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan terdiri dari:
- Seorang Pengerusi
- Seorang Setiausaha
- Wakil-wakil Majikan
- Wakil-wakil Pekerja

Bilangan Wakil
- Sekurangnya 4 orang wakil sekiranya bilangan pekerja melebihi 100 orang.

JKKP PKT
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

1.7 STRUKTUR DAN CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN



Rajah 2.0: Struktur asas Carta Organisasi JKKP.
(Carta Organisasi JKKP PKT adalah seperti di **Lampiran 1.**)

Jadual 1.0: Keanggotaan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Politeknik Kuala Terengganu.

Bil	Jawatan dalam Jawatankuasa	Jawatan di PKT
1	Pengerusi	Pengarah
2	Pegawai Keselamatan	Timbalan Pengarah Akademik
3	Penolong Pegawai Keselamatan I	PPPT
4	Penolong Pegawai Keselamatan II	Pegawai Eksekutif Kanan
5	Setiausaha	PPPT
6	Ketua Unit Keselamatan & Kebakaran /ERT	PPPT
7	Ketua Unit Publisiti, Multimedia & Latihan	Pegawai Perhubungan Awam
8	Ketua Unit Audit Dalaman	PPPT
9	Ketua Unit Dokumen Kualiti OSHA	PPPT
10	Ketua Unit HIRARC & Siasatan	Ketua Unit UPS
11	Wakil-Wakil Majikan	Ahli Mesyuarat Pengurusan PKT
12	Wakil-Wakil Pekerja	PPPT dan staf sokongan

Carta organisasi JKKP PKT adalah seperti di **Lampiran 1.**

1.8 FUNGSI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Fungsi Jawatankuasa adalah seperti dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan (Jawatankuasa Keselamatan Dan Kesihatan) 1996 di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 514 (1994).

Fungsi-fungsi tersebut termasuklah:

- Membantu dalam pembangunan kaedah-kaedah keselamatan dan kesihatan, sistem kerja yang selamat dan kajian semula keberkesanan program keselamatan dan kesihatan.

- Untuk menjalankan penyiasatan ke atas mana-mana perkara keselamatan dan kesihatan dan untuk membawanya ke perhatian majikan.

- Menjalankan kajian tentang trend kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja.

- Untuk memeriksa tempat kerja sekurang-kurangnya tiga bulan sekali.

- Untuk membincangkan pemerhatian semasa pemeriksaan tempat kerja dan membuat cadangan kepada majikan mengenai langkah-langkah pemulihan yang perlu diambil tentang perkara yang boleh memberi kesan kepada orang di tempat kerja.

- Melaporkan kepada majikan tentang keadaan atau amalan-amalan yang tidak selamat dan tidak sihat di tempat kerja bersama cadangan-cadangan untuk langkah pemulihan.

- Mengkaji semula dasar keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan membuat cadangan kepada majikan bagi sebarang penyemakan dasar itu.

- Untuk membantu majikan dalam sebarang pertandingan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan, mengadakan ceramah keselamatan dan kesihatan dan kegiatan lain yang diadakan untuk menggalakkan perjalanan kerja yang selamat di tempat kerja.

- Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu setara dengan risiko yang dihadapi di tempat kerja dan ciri-ciri kerja tetapi hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan.

- Jawatankuasa mestilah mempelawa mana-mana orang yang terlibat atau mempunyai pengetahuan tentang sebarang kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan dan penyakit pekerjaan yang berlaku di tempat kerja untuk menghadiri sebarang mesyuarat untuk membincangkannya. Mereka boleh mempelawa mana mana orang untuk sebarang mesyuaratnya untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

- Di bawah peraturan ini majikan dikehendaki untuk menyediakan latihan dan maklumat kepada ahli-ahli jawatankuasa keselamatan dan kesihatan.

- Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dari semasa ke semasa akan memberikan cadangan-cadangan kepada majikan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan.

1.9 TANGGUNGJAWAB MEMATUHI AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Pihak berikut mempunyai bertanggungjawab dalam aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi mewujudkan tempat kerja selamat.

- Kakitangan PKT
- Pelajar PKT
- Kontraktor
- Pelawat

1.10 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

Buku Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini adalah menjadi rujukan kepada pihak berikut:

- Kakitangan PKT
- Pelajar PKT
- Kontraktor
- Pelawat

JAWATANKUASA KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

1.11 KONSEP PELAKSANAAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PKT

Bagi mengujudkan situasi tempat kerja selamat, konsep berikut digunakan di kalangan semua pihak.

- Pengaturan Kendiri (*Self-Regulation*)
- Kerjasama dari semua pihak
- Perundingan di kalangan semua pihak
- Setakat Yang Praktik

JKKP PKT
JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

JAWATANKUASA KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

BAHAGIAN 2.0

TANGGUNGJAWAB KESELAMATAN WARGA

GARIS PANDUAN KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU | **EDISI 2023**

BAHAGIAN 2.0:
TANGGUNGJAWAB KESELAMATAN WARGA

2.1 TANGGUNGJAWAB KAKITANGAN

Kakitangan akademik dan pentadbiran serta sokongan merupakan pekerja di dalam PKT. Menurut seksyen sedia ada dalam akta berkaitan pekerja mempunyai tanggungjawab dalam hal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat kerja.

- Membaca dan memahami Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PKT.
- Memberi perhatian setakat yang praktik tentang keselamatan dirinya dan orang lain yang berada di sekelilingnya semasa bekerja.
- Mematuhi keperluan perundangan serta prosedur kerja PKT di tempat kerja semasa bertugas, termasuk tempat kerja di luar kawasan kampus.
- Menggunakan atau memakai PPE yang sesuai semasa melaksanakan kerja di tempat kerja.
- Melibatkan diri dalam program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- Melaporkan sebarang hazad, kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan.

2.2 TANGGUNGJAWAB PELAJAR

Pelajar merupakan kumpulan yang mudah terdedah dengan hazad terutama semasa menjalani sesi amali makmal, bengkel dan kerja lapangan. Maka adalah perlu pelajar mempunyai tanggungjawab bersama dalam mengurangkan insiden semasa melakukan aktiviti pembelajaran.

- Membaca dan mematuhi peraturan keselamatan PKT semasa berada di dalam kawasan kampus.
- Memberi perhatian setakat yang praktik semasa berada di kampus terhadap keselamatan dirinya dan orang lain.

- Menggunakan atau memakai PPE yang sesuai semasa melaksanakan aktiviti.
- Melaporkan hazad dan insiden kepada kakitangan.
- Melibatkan diri dalam program keselamatan.

2.3 TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR

Semua kontraktor yang dilantik dan beroperasi di premis PKT mempunyai tanggungjawab dalam Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Antaranya:

- Mematuhi arahan serta peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dikeluarkan oleh pihak PKT.
- Mematuhi peraturan kerja, garispanduan dan COP yang ditentukan oleh pihak DOSH.
- Melaporkan sebarang insiden semasa menjalankan kerja di dalam premis PKT.
- Membekal dan memastikan pekerja kontraktor memakai PPE yang sesuai.
- Memastikan semua pekerja di bawah seliaan mereka adalah kompeten untuk menjalankan tugas.

2.3 TANGGUNGJAWAB PELAWAT

Pelawat atau orang luar yang memasuki premis PKT mestilah mematuhi arahan atau peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang ada.

Antaranya:

- Mematuhi arahan papan-tanda keselamatan yang ada di premis PKT.
- Mematuhi arahan keselamatan yang dikeluarkan pada masa itu.
- Tidak pergi ke tempat yang tidak berkaitan dengan tujuan lawatannya.

JAWATANKUASA KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

JAWATANKUASA KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

BAHAGIAN 3.0

PERATURAN KESELAMATAN

GARIS PANDUAN KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU | **EDISI 2023**

BAHAGIAN 3.0:
PERATURAN KESELAMATAN

3.1 TANGGUNGJAWAB PENYELIA MAKMAL / BENGKEL

- Mengenalpasti hazad dan menilai risiko serta bahaya serta melakukan kawalan.
- Memastikan papan tanda keselamatan yang sesuai sahaja ditampal.
- Melaporkan sebarang insiden dan kerosakan.
- Memastikan kekemasan dan kebersihan makmal / bengkel.
- Memastikan persekitaran selamat seperti pengudaraan, pencahayaan.
- Mematuhi arahan dan peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Memastikan punca bekalan air dan elektrik ditutup sebelum keluar makmal/bengkel.

3.2 TANGGUNGJAWAB STAF AKADEMIK DI MAKMAL / BENGKEL

- Menerangkan arahan aktiviti yang akan dijalankan di makmal dan bengkel.
- Mengenalpasti hazad dan menilai risiko serta bahaya serta melakukan kawalan.
- Memastikan pelajar tidak ditinggalkan tanpa sebarang pengawasan.
- Mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan semasa menjalankan aktiviti.
- Membekal dan memastikan penggunaan PPE yang betul mengikut jenis aktiviti.
- Memantau sebarang perlakuan dan keadaan tidak selamat.
- Melaporkan sebarang kemalangan semasa aktiviti kepada pihak pengurusan.
- Memastikan punca bekalan air dan elektrik ditutup sebelum keluar makmal/bengkel.

3.3 ASAS TINDAKAN SELAMAT MEMASUKI BENGKEL DAN MAKMAL

- Baca arahan keselamatan
- Pakai PPE
- Baca SOP alatan
- Guna alat yang betul dan selamat

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

3.3.1 PERATURAN KESELAMATAN DI BENGKEL DAN MAKMAL

- Jangan bersikap sambil lewa semasa berada di makmal/bengkel dan sentiasa berhati-hati terhadap sebarang sumber bahaya.
- Gunakan peralatan keselamatan dan alat perlindungan diri (PPE) yang sesuai dengan sumber bahaya semasa berada atau bekerja di makmal/bengkel seperti baju bengkel, kasut keselamatan dan sarung tangan keselamatan apabila mengendalikan asid pelekat atau seumpamanya.
- Setiap kemalangan mesti dilaporkan dan disiasat segera kepada pensyarah/penyelia yang berkenaan. Setiap kecederaan perlu dirawat segera.
- Dilarang makan/minum, membawa atau menyimpan makanan/minuman di dalam makmal/bengkel.
- Dilarang berlari atau bermain-main semasa berada makmal/bengkel.
- Pastikan pintu/laluan kecemasan tidak terhalang dan dapat dibuka dengan mudah apabila berlaku sebarang kecemasan.
- Jangan bawa atau benarkan sesiapa yang tidak berkenaan masuk atau berada di dalam makmal/bengkel.
- Jangan bekerja bersendirian di makmal/bengkel. Pastikan peraturan bekerja di Makmal/Bengkel selepas waktu pejabat.
- Pastikan semua peralatan seperti kipas, lampu, dan penghawa dingin dimatikan sebelum meninggalkan makmal/bengkel.
- Pastikan semua alatan atau mesin yang hendak digunakan berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.
- Susun dan simpan semua peralatan yang digunakan di tempat yang telah disediakan.
- Sentiasa menjaga kebersihan makmal/bengkel dan susun semula kerusi selepas digunakan.
- Apabila hendak memulakan amali (sebagai contoh penyambungan litar yang menggunakan sumber elektrik) pastikan punca bekalan di "OFF" kan terlebih dahulu.
- Sebelum "ON" kan punca bekalan elektrik untuk memulakan kerja amali, maklumkan pensyarah/penyelia untuk memastikan sambungan adalah betul.
- Pelajari langkah-langkah melakukan pertolongan cemas.

JAWATANKUASA KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

3.4 WARNA PITA / PAPAN TANDA KESELAMATAN

Pita / Papan tanda keselamatan merupakan satu kaedah komunikasi kepada kakitangan dan pelajar serta orang lain. Ia membawa maksud tertentu berdasarkan logo, perkataan atau warna yang digunakan.

Menjadi tanggungjawab sesiapa sahaja yang berada di lokasi tertentu untuk:

- Mengambil perhatian kepada pita / papan tanda keselamatan yang dipaparkan.
- Memahami makna mesej papan tanda.
- Mematuhi mesej papan tanda.

Warna Pita / Papan Tanda	**Mesej**
Hitam + Kuning	Tanda Amaran / Berhati-hati
Putih + Biru	Tanda Wajib dipatuhi
Putih + Hijau	Tanda Selamat
Putih + Merah	Tanda Dilarang

Rajah 3.0: Makna mesej mengikut warna Pita / Papan Tanda.

Nota: Terdapat juga pita / papan tanda keselamatan yang tidak mengikut peraturan warna di atas. Ia berdasarkan terus kepada ayat pada papan tanda tersebut.

3.5 ALAT PERLINDUNG DIRI (PPE)

PPE bermaksud alatan pelindung diri. Iaitu bermaksud sebarang peranti atau perkakas yang direka untuk dipakai atau dipegang oleh individu bagi perlindungan terhadap satu atau lebih bahaya kesihatan dan keselamatan. Pengguna sesuatu mesin atau alatan perlu mengetahui jenis PPE yang mesti digunakan sebelum mengoperasikannya. Biasanya ia tunjukkan dengan papan tanda keselamatan berhampiran dengan mesin tersebut.

3.6 PROSEDUR OPERASIAN PIAWAI (SOP)

SOP merupakan templat yang mengandungi penyataan bagi mengoperasikan sesebuah mesin atau peralatan dengan betul dan selamat bermula dari langkah awal hingga akhir. Ia juga menyatakan jenis PPE yang patut digunakan serta latihan yang diperlukan bagi menggunakan mesin tersebut. Juga menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil apabila selesai menggunakan mesin tersebut termasuk kerja-kerja pembersihan.

JKKP
JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Oleh itu, pengguna mesti membaca serta memahami SOP sesuatu mesin sebelum menggunakannya.

3.7 PENYELENGGARAAN PERALATAN

Dalam usaha mengurangkan hazad semasa menggunakan peralatan atau mesin, aspek penyelenggaraan perlu diutamakan. Peralatan perlu diselenggara bagi memastikan ia beroperasi dengan kecekapan yang tinggi pada setiap masa.

- Penyelenggaraan Pencegahan atau Berkala perlu dilakukan iaitu dengan memeriksa peralatan, selenggara dan dijaga sebelum berlaku kerosakan atau masalah yang lain timbul kemudian hari.
- Penyelenggaran Pembetulan perlu dilakukan dimana alatan atau mesin diselenggara atau diganti akibat tidak berfungsi dengan baik atau kehausan komponen tertentu.

Bagi mengurangkan risiko kepada kakitangan penyelenggaraan, peraturan asas berikut perlu dilaksanakan.

1. Perancangan.

- Skop kerja penyelenggaraan yang hendak dilaksanakan.
- Menilai risiko bahan, alatan dan cara kerja yang akan digunakan.
- Masa diperlukan bagi menyiapkan kerja penyelenggaraan.
- Komunikasi di antara pihak terlibat.
- Pekerja yang mahir untuk melaksanakan tugas.

2. Tempat Kerja yang Selamat.

- Hanya pekerja tertentu sahaja berada di kawasan penyelenggaraan.
- Meletak papan tanda keselamatan dan sempadan kerja.
- Kawasan kerja yang bersih dan selamat.

3. Perkakas yang sesuai.

- Alatan dan mesin yang betul digunakan untuk tujuan penyelenggaraan tertentu.
- Perkakas dalam keadaan yang selamat.
- Aspek hazad ergonomik ditekankan semasa melakukan kerja.

4. Membuat pemeriksaan akhir dan memastikan semua tugasan yang perlu sudah dilengkapi. Memastikan mesin yang diselenggara adalah selamat untuk digunakan oleh orang lain.

3.8 PERATURAN KESELAMATAN BAHAN KIMIA

Keselamatan bahan kimia adalah penerapan amalan terbaik untuk mengendalikan proses kimia dan kimia bagi meminimumkan risiko, sama ada kepada seseorang, kemudahan, atau komuniti. Ia melibatkan pemahaman hazad fizikal, kimia, dan toksikologi sesuatu bahan kimia. Bagi tujuan mengelakkan insiden dari bahan kimia, peraturan berikut perlu dipatuhi oleh pengguna.

- Mematuhi Peraturan Umum Keselamatan Makmal.
- Alat pelindung mata keselamatan perlu dipakai semasa bekerja dengan bahan kimia.
- Elakkan sentuhan secara langsung dengan sebarang bahan kimia.
- Berhati-hati semasa membawa dan mengendali bahan kimia di dalam makmal.
- Larutan bahan kimia tidak boleh dipipet menggunakan mulut.
- Labelkan semua larutan dan bahan kimia yang disediakan.
- Gunakan bahan kimia mengikut keperluan sahaja, tentukan kuantiti yang diperlukan dari botol stok.
- Bahan kimia yang berlebihan tidak boleh dituang semula ke dalam botol asal.
- Segala lebihan bahan kimia mestilah dibuang ke dalam botol sisa mengikut pengkelasan sisa terjadual.

Menjadi tanggungjawab kepada kakitangan yang di bawah pengawasannya terdapat bahan-bahan kimia untuk menguruskannya dengan baik dan memastikan tahap keselamatannya terhadap manusia dan alam sekitar.

Tanggungjawab:

- Memastikan senarai bahan kimia dikemaskini dan ditampal di lokasi penyimpanan.
- Memastikan penyimpanan bahan kimia mengikut garis panduan keselamatan bahan kimia.
- Memastikan lokasi penyimpanan yang selamat.
- Melabelkan nama bahan kimia.
- Mengadakan dan meneliti *Chemical Safety Data Sheet* (CSDS) setiap bahan kimia di lokasi.
- Memastikan penggunaan PPE yang betul dalam mengendali bahan kimia.
- Memastikan terdapat papan-tanda keselamatan dan SOP kecemasan.

JAWATANKUASA KESELAMATAN
DAN KESIHATAN PEKERJAAN
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

3.9 PERATURAN BENGKEL TERTENTU

Semua bengkel atau makmal mempunyai hazad dan tahap risiko tersendiri. Berikut disenaraikan beberapa peraturan bengkel/makmal mempunyai potensi risiko tinggi.

3.9.1 Bengkel Pendawaian

- Kasut mesti bertapak rendah dan berpenebat.
- Memakai pakaian bengkel yang sesuai dengan kerja yang hendak dijalankan.
- Menggunakan Peralatan Perlindung Diri (PPE) seperti gogle, test pen, glove dan sebagainya dalam mengendalikan peralatan dan litar elektrik.
- Tidak memakai barang kemas seperti rantai, gelang dan sebagainya.
- Fahami cara menggunakan peralatan tangan yang berkaitan.
- Semua pemasangan hendaklah dibuat pada litar terbuka.
- Bagi kendalian litar tertutup, tebatkan diri dengan cara memakai sarung tangan dan berdiri diatas tempat yang bertebat.
- Pastikan alat perkakas serta diri dalam keadaan kering.
- Labelkan / tanda pada litar yg sedang dibaiki.

3.9.2 Bengkel Projek

- Pastikan kawasan kerja bersih dan kemas.
- Memakai pakaian anti-statik dan berkasut.
- Fahami cara menggunakan peralatan tangan yang berkaitan.
- Bagi penggunaan alatan mesin penebuk papan litar, mesin canai dan mesin pengerat papan litar, sila ikut arahan (SOP) yang betul.
- Gunakan PPE yang sesuai seperti sarung tangan dan gogel semasa mengendalikan mesin penebuk, mesin canai dan mesin pengerat papan litar.
- Menyimpan temp solder, kawat timah dan bahan habis pengeluaran lain dengan betul.
- Sisa timah buangan yang dihasilkan semasa proses penyelenggaraan papan litar tidak boleh dibuang ke dalam tong sampah, tetapi hendaklah dibuang ditempat simpanan yang ditetapkan untuk timah buangan.
- Memastikan bahaya tersangkut dikeluarkan (contohnya pakaian longgar, barang kemas, dan sebagainya).
- Pastikan permukaan kerja bersih daripada sisa, alat dan bahan.
- Pastikan lantai di sekitar kawasan bengkel bersih dan kemas.

3.9.3 Makmal Kuasa

- Pastikan kawasan kerja bersih dan kemas.
